



Rujukan Kami : IPN/2/05/5 Jld. 3 ( 52 )

Tarikh : 12 April 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.  
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri.  
Semua Pengarah Jabatan Akauntan Negara Negeri dan Cawangan.

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PENGAMBILAN CALON BAGI MENGIKUTI PROGRAM PROFESIONAL ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA) DAN CHARTERED INSTITUTE OF MANAGEMENT ACCOUNTANTS (CIMA) JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) SESI JUN/JULAI 2013.**

Dengan hormat perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Institut Perakaunan Negara (IPN), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dengan kerjasama ACCA dan CIMA akan menawarkan **Program Profesional ACCA dan CIMA secara separuh masa** bagi sesi pertama pengajian iaitu pada bulan **Jun/Julai 2013**. Usaha ini merupakan salah satu inisiatif yang terkandung di dalam Pelan Strategik IPN 2012-2016 bagi melahirkan lebih ramai akauntan profesional yang mempunyai keahlian dalam badan-badan profesional perakaunan seperti ACCA dan CIMA sejajar dengan pelaksanaan perakaunan akruan pada tahun 2015.
3. Pengambilan untuk kedua-dua program ini adalah khusus kepada Akauntan di bawah lantikan JANM sahaja. Sasaran calon adalah seramai 30 orang (15 ACCA dan 15 CIMA). Syarat minimum bagi mengikuti kedua-dua program profesional ini ialah calon mesti memiliki **Ijazah Sarjana Muda Perakaunan** dari institusi pengajian tinggi awam tempatan. Jika syarat ini dipenuhi, calon bagi program ACCA boleh dipertimbangkan untuk mendapat **pegecualian Sembilan subjek Tahap Asas** dan hanya perlu mengambil **lima subjek Tahap Profesional** (rujuk Lampiran 1). Calon yang mendapat pegecualian Sembilan (9) subjek Tahap Asas dan lulus dalam lima (5) subjek Tahap Profesional akan melayakkan calon berdaftar dengan ACCA. Program ini akan mengambil masa selama dua tahun setengah dan hanya **satu subjek** sahaja ditawarkan bagi setiap sesi bermula Jun/Julai 2013.
4. Manakala bagi program CIMA pula, calon yang memiliki syarat minimum Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan merupakan **ahli penuh Malaysian Institute of Accountants (MIA)** boleh dipertimbangkan untuk mendapat **pegecualian sebelas subjek** (Tahap Operasi dan Pengurusan) dan calon hanya perlu mengambil **tiga subjek di Tahap Strategik** untuk menduduki **Bahagian A dan Bahagian B Tahap Kompetensi Profesional** bagi melayakkan calon berdaftar dengan CIMA (rujuk Lampiran 2). Program ini akan mengambil masa selama setahun setengah dan calon perlu menduduki **tiga subjek** di Tahap Strategik bagi sesi bermula Jun/Julai 2013
5. Kos pengajian bagi mengikuti program ACCA berjumlah RM 11,240.00 manakala kos pengajian bagi mengikuti program CIMA adalah sebanyak RM12,415.00 (Rujuk Lampiran 3 (i) dan 3 (ii) untuk perincian kos).



6. Kelas-kelas pengajian bagi kedua-dua program akan dijalankan pada hari **Sabtu dan Ahad** seperti di alamat berikut:

**Bahagian Pengurusan Audit Dalam**  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Tingkat 6, Perbendaharaan 2,  
Precint 2, Kompleks Kementerian Kewangan  
62594 Putrajaya.

7. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 3 Mei 2013 (Jumaat)**. Semua permohonan calon akan melalui tapisan dan disenarai pendek. Calon-calon yang berjaya akan dimaklumkan selewat-lewatnya pada **31 Mei 2013 (Jumaat)**.

8. Calon-calon yang berminat perlu menghantar borang permohonan (Lihat Lampiran 4) dan dokumen-dokumen yang berkaitan sebelum atau pada **3 Mei 2013 (Jumaat)** kepada pihak kami di alamat berikut:

**Pengarah**  
Institut Perakaunan Negara  
Jalan 2, Sg. Lang,  
45100 Sabak Bernam  
Selangor.  
**(u.p: Norizan binti Abdul Hamid)**

9. Calon-calon yang berkhidmat di luar Lembah Klang/Putrajaya dan berminat untuk mengikuti program ini, semua urusan permohonan pertukaran tempat kerja adalah urusan individu. Sebarang pertanyaan berkaitan program ini boleh diajukan kepada **Puan Norizan binti Abdul Hamid (W44) di talian 03-32172115 atau 019-2705807**.

10. Pihak kami mengalu-alukan akauntan-akauntan di bawah perkhidmatan JANM untuk merebut peluang ini bagi **menyahut cabaran transformasi amalan dan profesion perakaunan sektor awam** agar ianya tetap signifikan dan lestari.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ *Inovasi Penggerak Tranformasi Perakaunan Akruan* ”



**NORREZAN BINTI NOORDIN**  
**Pengarah**  
**Institut Perakaunan Negara**

s.k

- 1) Y. Bhg. Datuk Akauntan Negara Malaysia
- 2) Y. Bhg Dato' Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
- 3) Y. Bhg. Puan Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
- 4) Pengarah, Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM.

**WHAT'S INVOLVED?**

To achieve the ACCA Qualification you will need to complete exams, an ethics module and practical experience.

**EXAMS**

You need to complete 14 exams in total. A maximum of nine exams in the Fundamentals level are available for exemption.

**FUNDAMENTALS LEVEL****Knowledge exams**

- F1 Accountant in Business
- F2 Management Accounting
- F3\* Financial Accounting

**Skills exams**

- F4\*\* Corporate and Business Law
- F5 Performance Management
- F6\*\* Taxation
- F7\* Financial Reporting
- F8\* Audit and Assurance
- F9 Financial Management

**PROFESSIONAL LEVEL**

- P1 Governance, Risk and Ethics
  - P2\* Corporate Reporting
  - P3 Business Analysis
- Two of the following options**
- P4 Advanced Financial Management
  - P5 Advanced Performance Management
  - P6\*\* Advanced Taxation
  - P7\* Advanced Audit and Assurance

\* These exams are based on international standards for financial reporting and auditing and have also been adapted for national accountancy practices in Hong Kong, Ireland, Singapore and the UK.

\*\* ACCA is unique as it is the only global professional accountancy body to offer exams based on Malaysian law and tax. It means you will gain a globally-recognised qualification where your knowledge and skills will be tailored to meet the needs of local business and employers.

**ETHICS**

Professional Ethics module designed to give you exposure to a range of ethical perspectives to develop your ethical knowledge. It's important to ACCA that you know how to behave ethically and professionally.

This module should be completed before, at the same time as or soon after completing Paper P1, Governance, Risk and Ethics.

**EXPERIENCE**

You will need to complete three years' relevant practical experience and achieve 13 performance objectives. This will help you to demonstrate to potential employers that you can apply your knowledge to the workplace and are ready for business. You can achieve your work experience before, at the same time as or after completing your exams. Ideally, at the same time is best.

**ESSENTIALS (ALL NINE TO BE COMPLETED)****Professionalism, ethics and governance**

- 1 Demonstrate the application of professional ethics, values and judgement
- 2 Contribute to the effective governance of an organisation
- 3 Raise awareness of non-financial risk

**Personal effectiveness**

- 4 Manage self
- 5 Communicate effectively
- 6 Use information and communications technology

**Business management**

- 7 Manage ongoing activities in your area of responsibility
- 8 Improve departmental performance
- 9 Manage an assignment

**OPTIONS**

(Any four to be completed)

**Financial accounting and reporting**

- 10 Prepare financial statements for external purposes
- 11 Interpret financial transactions and financial statements

**Performance measurement and management accounting**

- 12 Prepare financial information for management
- 13 Contribute to budget planning and production
- 14 Monitor and control budgets

**Finance and financial management**

- 15 Evaluate potential business/investment opportunities and the required finance options

- 16 Manage cash using active cash management and treasury systems

**Audit and assurance**

- 17 Prepare for and collect evidence for audit
- 18 Evaluate and report on audit



**Taxation**

- 19 Evaluate and compute taxes payable
- 20 Assist with tax planning



# CIMA's global qualification framework

Each level of the qualification brings new skills and recognition, increasing your career potential and earning capacity as you progress and gain experience.



5 credits at SPM (including English and Maths) / Non-accounting diploma and degree.

## KOS PENGAJIAN BAGI PROGRAM CIMA

Keterangan	Kadar Yuran	Kadar seorang calon (RM)
Yuran Pendaftaran semester	£72	360.00
Yuran Tahunan	£105	525.00
Yuran pengecualian subjek peperiksaan	@£743	3,715.00
Yuran Peperiksaan	3 subjek (Strategic level) @ £267	1,335.00
	T4 (Part B) @ £112	560.00
Yuran Tuisyen	3 subjek @ RM 4,050	4,050.00
	Subjek T4 @ RM 1,350	1,350.00
Buku	4 subjek @ RM 130	520.00
<b>JUMLAH</b>		<b>12,415.00</b>

## Nota:


1. Kadar pertukaran yang digunakan adalah £1 = RM5
2. Kadar yuran tuisyen adalah tertakluk kepada bilangan calon.
3. Kadar yuran adalah tertakluk kepada pihak CIMA. Kadarnya boleh berubah dari masa ke semasa.
4. Andaian yang dibuat ialah tiada pengecualian dalam yuran yang dikenakan.

## KOS PENGAJIAN BAGI PROGRAM ACCA

Keterangan	Kadar Yuran	Kadar seorang calon (RM)
Yuran Pendaftaran semester	£79	395.00
Yuran Tahunan	£79 @ 2 1/2 tahun	1,185.00
Yuran pengecualian subjek peperiksaan	3 subjek (Knowledge) @£71	1,065.00
	6 subjek (Skill) @£89	2,670.00
Yuran Peperiksaan	5 subjek @ £103	2,575.00
Yuran Tuisyen	5 subjek @ RM 550	2,750.00
Buku	5 subjek @ RM 120	600.00
<b>JUMLAH</b>		<b>11,240.00</b>

## Nota:

1. Kadar pertukaran yang digunakan adalah £1 = RM5
2. Kadar yuran tuisyen adalah tertakluk kepada bilangan calon.
3. Kadar yuran adalah tertakluk kepada pihak ACCA. Kadarnya boleh berubah dari masa ke semasa.
4. Andaian yang dibuat ialah tiada pengecualian dalam yuran yang dikenakan.



# INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## BORANG PERMOHONAN PROGRAM PROFESSIONAL ( ACCA / CIMA )

### ARAHAN KEPADA PEMOHON

Borang permohonan ini hendaklah dipenuhi oleh pemohon dengan tulisan sendiri. Sila gunakan HURUF BESAR. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

Gambar saiz  
pasport yang  
terbaru

PENGARAH, INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA, JLN 2 SG. LANG, 45100 SABAK BERNAM, SELANGOR  
NO. TELEFON 03-3217 2000 NO. FAX 03-3217 2012

### BAHAGIAN I - BUTIR-BUTIR PERIBADI ▶

Nama Penuh :   
(Seperti dalam kad pengenalan)

Jawatan :  Gred :

Tarikh Lahir :  Umur :  Tahun Kad Pengenalan (Baru) :

Tempat Lahir :  (Lama) :

Jantina :  Kerakyatan :  Warna :

#### Taraf Perkahwinan \*

B - Bujang K - Kahwin  
 J - Janda L - Lain-lain

#### Agama \*

I - Islam K - Kristian B - Budha  
 H - Hindu L - Lain-lain

#### Keturunan \*

M - Melayu C - Cina  
 I - India L - Lain-lain

(\* Isikan kod abjad sahaja di mana perlu )

#### Alamat Tetap :

Poskod :  Negeri :

No Tel :

Emel :

#### Alamat Surat Menyurat :

Poskod :  Negeri :

No Tel :

No Tel Bimbit :

#### Nama Waris / Kenalan Terdekat Untuk Dihubungi Semasa Kecemasan :

(Selain daripada Ibu/ Bapa/ Istri/ atau Suami)

#### Alamat Pejabat :

Poskod :  Negeri :

No Tel :

#### Alamat Rumah :

Poskod :  Negeri :

No Tel :

**BAHAGIAN II - BUTIR-BUTIR CADANGAN PENGAJIAN ▶**Bidang Pengajian :  ACCA CIMA

Pilih SATU bidang pengajian dan tandakan ( / ) pada pilihan di atas.

**BAHAGIAN III - KELULUSAN AKADEMIK DAN IKTISAS ▶**A. Persekolahan Dan Peperiksaan - Peringkat Menengah hingga Ke Peringkat Universiti.  
(Sila kembalikan salinan sijil dan transkrip yang disahkan)

Sekolah / Maktab / Universiti	Dari	Hingga	Kelulusan	Keputusan

B. Keahlian Badan Profesional Perakaunan ( Jika Ada ) (Sila kembalikan salinan sijil yang disahkan)

Nama Badan Profesional	No. Keahlian



**BAHAGIAN IV - BUTIR BUTIR IBU BAPA PEMOHON ( PERLU DIISI OLEH CALON PROGRAM ACCA SAHAJA ) ▶**

Butir-butir mengenai Ibu Bapa Pemohon.

Butiran	Ibu	Bapa
Nama Penuh		
No. Kad Pengenalan		
Tarikh Lahir / Tempat Lahir		
Kerakyatan		
Agama		

Nota:

- 1) Calon mengikuti program ACCA akan mendaftar sebagai pelajar UITM.
- 2) Calon mengikuti program CIMA akan mendaftar sebagai pelajar CIMA.

**BAHAGIAN V - PENGAKUAN PEMOHON & KETUA JABATAN ▶**

PENGAKUAN : Saya mengaku bahawa segala kenyataan di dalam borang permohonan ini adalah benar. Saya faham bahawasanya pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia berhak menolak permohonan ini sekiranya maklumat diatas didapati salah.

Tarikh : .....

Tandatangan Pemohon : .....

PENGESAHAN: Saya dengan ini mengesah dan menyokong permohonan ini.

Tarikh : .....

Tandatangan Ketua Jabatan : .....

Cop Nama/Jabatan :

**SENARAI SEMAK  
BORANG PERMOHONAN PROGRAM PROFESSIONAL**

NAMA :

NO. K/P :  -  -

**BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Borang Permohonan Telah Lengkap Diisi Beserta Sekeping Gambar Berukuran Pasport.
2. Salinan Kad Pengenalan.
3. Salinan Sijil Kelahiran.
4. Salinan Sijil - Sijil Kelulusan Akademik SPM/SPTM/Pra-Diploma/Diploma/Ijazah/Sarjana dan lain-lain yang berkaitan.
5. Salinan Sijil Keahlian Badan Professional Perakaunan ( jika ada )

TANDAKAN  
(/ ) JIKA  
DISERTAKAN

**BUTIR - BUTIR IBU BAPA**

1. Salinan Kad Pengenalan Ibu Bapa.
2. Salinan Sijil Kelahiran Ibu Bapa.

**NOTA**

\* SEMUA SALINAN DOKUMEN HENDAKLAH DISAHKAN BENAR.

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

DISEMAK \_\_\_\_\_  
TARIKH \_\_\_\_\_

LENGKAP   
LAYAK

TIDAK LENGKAP   
TIDAK LAYAK

NOTA (JIKA PERLU) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_